


TOUR CODE:
CBA04-MH

6H4M

BEIJING



Bird Nest Stadium adalah stadium terbesar di Beijing dan lokasi terpenting untuk Sukan Olimpik pada tahun 2008.

Map



Musim Panas:
Jun - Ogos



Musim Luruh:
Sept - November



Musim Sejuk:
Disember - Feb



Musim Bunga:
Mar - May



CHINESE
YUAN:
CNY 1



RINGGIT
MALAYSIA:
MYR 0.65



PERBEZAAN WAKTU
CHINA: GMT+8

TOUR HIGHLIGHTS

1



BEIJING BIRD NEST STADIUM & WATER CUBE:

Reka bentuk stadium seakan sarang burung dan diperbuat dari besi keluli.

2



GREAT WALL OF CHINA:

Tembok pertahanan yang dikira sebagai salah satu keajaiban dunia ini dibina seawal kurun ke-7 sebelum masihi. Pelancong dapat menikmati pemandangan indah pergunungan Guangou dan sungai.

3



SUMMER PALACE:

Dapat menikmati pemandangan flora yang cantik dan panorama sekitar tasik yang mengagumkan seperti Wenchang Pavilion, Foxiang Ge Tower.

4



WANGFUJING STREET:

Terkenal dengan pelbagai jenis kedai menjual barangan moden dan antik, gerai makanan.

HOTEL PENGINAPAN | 3* Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Beijing	Olive Tree Holiday Hotel	4 Mlm

JADUAL PENERBANGAN



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 318	KUL - PKX	2340	0600+1
6	MH 319	PKX - KUL	1000	1630

HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 4 malam bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

6H4M BEIJING

HARI 01 KUALA LUMPUR - BEIJING

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Beijing.

HARI 02 BEIJING

SP/MT/MM

Lawatan di **Beijing**:

- Melawat **Bird Nest Stadium** yang merupakan sebuah stadium ikonik pada Sukan Olimpik Beijing 2008. Ini kerana rekabentuknya sangat unik seakan berbentuk sarang burung, di mana struktur luaran stadium diperbuat daripada besi keluli yang dianyam menghasilkan corak seperti jeriji.
 - Berfoto di **Water Cube** yang merupakan salah satu lokasi acara Olimpik berbentuk kiub besar buih sabun dan kini telah diubahsuai menjadi taman air dan juga sebagai taman beriadah.
 - Bersiar-siar di sekitar **Olympic Village** dan berfoto dengan pelbagai jenis mural dan monumen yang berkaitan Olimpik yang dihasilkan ketika kejohanan berlangsung.
- Bermalam di **Beijing**.

HARI 03 BEIJING

SP/MT/MM

Lawatan di **Beijing**:

- Melawat **Tiananmen Square** yang merupakan sebuah dataran yang penuh dengan sejarah. Antaranya adalah tragedi demonstrasi pro demokrasi para pelajar universiti pada tahun 1989. Di sini terdapat binaan penting seperti Monument to the People's Heroes, Great Hall of the People dan Gate of Heavenly Peace selain Mausoleum of Mao Zedong dan National Museum of China.
- **Forbidden City**: Kompleks istana berusia lebih 600 tahun yang dibina pada tahun 1406 semasa Dinasti Ming. Kota istana yang dikelilingi tembok setinggi 8m dan parit ini menjadi kediaman dan pusat pemerintahan maharaja China sehingga tahun 1924. Kompleks istana ini terbahagi kepada 2 bahagian; Outer dan Inner Court. Tetamu pastinya merasa kagum dengan senibina China sebaik sahaja melangkah masuk melalui Meridian Gate. Tarikan paling utama di kota ini ialah Hall of Supreme Harmony yang menjadi dewan menghadap maharaja China dan perkahwinan diraja, disamping Palace of Heavenly Purity yang menjadi balai mesyuarat maharaja dan pembesar.
- Bersolat di masjid yang tertua di Beijing, **Niujie Mosque** yang dibina pada tahun 996 ketika Dinasti Liao. Senibina masjid ini merupakan seni campuran ukiran Islam dan kaum Han, dan disini ada disimpan kitab Al-Quran yang berusia lebih 300 tahun. Masjid ini hampir musnah di serang tentera Genghis Khan pada 1215 tetapi telah dibaik pulih pada 1443 ketika Dinasti Ming.
- Membeli-belah di **Muslim Supermarket**, dimana tetamu boleh mendapat barangan yang halal seperti rempah-ratus, sayur-sayuran, produk tenusu, roti dan juga kacang-kacang seperti buah berangan, almond dan lain-lain.

- Menyaksikan persembahan penuh dengan illusi, mistik dan mendebarakan di **Acrobatic Show** pada sebelah petang.
- Bermalam di **Beijing**.

HARI 04 BEIJING

SP/MT/MM

Lawatan di **Beijing**:

- **Great Wall of China**: Tembok pertahanan yang dikira sebagai salah satu keajaiban dunia ini dibina seawal kurun ke-7 sebelum masihi dan dipanjangkan oleh maharaja-maharaja yang memerintah negara China sehingga mencecah sepanjang 21,000 km. Tetamu akan dibawa melawat ke salah satu seksyen yang dipanggil **Juyongguan Great Wall** yang dibina oleh Dinasti Ming pada 1368. Di seksyen ini berlakunya banyak peperangan dan pertukaran dinasti kerana tembok Juyongguan ini dibina bagi mempertahankan kota Beijing. Di sini juga tetamu dapat menikmati pemandangan indah pergunungan Guangou dan sungai. Melihat cara pembuatan batu Jade yang menjadi perhiasan penting tradisi orang China di **Jade Center**.
- Masa bebas untuk bersiar-siar dan membeli-belah di **Wangfujing Street** yang merupakan kawasan membeli-belah yang terbesar dan paling terkenal di China yang wujud beratus tahun dahulu sejak dari zaman Dinasti Ming lagi. Pelbagai jenis kedai menjual barangan moden dan antik, gerai-gerai makanan selain pusat beli-belah **Beijing Mall** dan **Beijing Department Store**.

Bermalam di **Beijing**.

HARI 05 BEIJING

SP/MT/MM

Lawatan di **Beijing**:

- Melawat **Summer Palace** yang dibina pada kurun ke-12 di sekitar Longevity Hill dan Kunming Lake ketika zaman Dinasti Yuan sebagai istana bersemayam musim panas bagi maharaja China. Istana ini mula dijadikan muzium sejak dari tahun 1914 lagi ketika pemerintahan maharaja terakhir China, Puyi. Diiktiraf sebagai taman istana terbesar di dunia, tetamu akan dapat menikmati pemandangan flora yang cantik dan panorama sekitar tasik yang mengagumkan. Antara tarikan di sini ialah Seventeen-Arch Bridge, Wenchang Pavilion, Foxiang Ge Tower dan Hall of Benevolence and Longevity.
- Bersolat di masjid lama **Fayuan Mosque**, yang dibina ratusan tahun dahulu oleh Dinasti Qing.
- Membeli-belah di **Xiushui Street** juga dikenali sebagai Silk Street. Sesuai namanya, kawasan ini terkenal menjual kain pakaian sutera dan di sini terdapat **Silk Market** yang setinggi 6 tingkat dengan lebih 1,000 buah kedai yang menjual pelbagai jenis barangan dan cenderamata selain sutera.
- Melawat **The Place**, bangunan yang cukup terkenal dengan **World's Largest LED Screen**. Layar skrin LED ini digunakan untuk memaparkan pelbagai animasi termasuk berita, iklan dan visual artistik.

HARI 06 BEIJING - KUALA LUMPUR

SP

Menaiki penerbangan pagi pulang ke Kuala Lumpur.